

Berita Stats

www.statistics.gov.my

No. ISSN : 0128 8563 | Januari - Jun 2015 | Bil.1/2015



Menarik di Dalam...

09 Sidang Media oleh YB. Menteri bagi Penyebaran Indeks Perkhidmatan Suku Tahun Pertama 2015

10 Majlis Perjumpaan YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama Warga Jabatan Perangkaan Malaysia

11 Majlis Perasmian *Regional Course on Statistical Business Registers*

Kandungan

Januari – Jun 2015



03 Perutusan Ketua Perangkawan

04 Tinta Pengarang

05 Profil Pengarah

- Pengarah BKKP
- Pengarah BPTMS
- Pengarah JP Negeri Sembilan
- Pengarah JP Kelantan

09 Sidang Media oleh YB. Menteri bagi Penysebaran Indeks Perkhidmatan Suku Tahun Pertama 2015 (2010=100)

10 Majlis Perjumpaan YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama Warga Jabatan Perangkaan Malaysia

- 11**
- Majlis Perasmian *Regional Course on Statistical Business Registers*
 - Program *Attachment Malaysia Statistical Business Register*

12 Lawatan

- 13**
- Kunjungan Hormat
 - Sesi *Engagement* bersama LHDN

14 Memorandum

16 Seminar Transformasi Statistik bersama Komuniti

- 17**
- Pameran di Festival Bella Putrajaya 2015
 - Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Amalan EKSA oleh MAMPU kepada JP Negeri Sabah

18 Aktiviti Sosial dan Kebajikan

- Stats Relief
- Program Hati ke Hati
- Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat Jabatan
- Kursus Smart Solat
- Jom Boling 2015
- Kejohanan Futsal antara Aras 2015



SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Hasan
Ketua Perangkawan Malaysia

Ketua Pengarang

Tuan Haji Ismail bin Yusoff
Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia
(Program Ekonomi)

Penolong Ketua Pengarang

Puan Raffiza binti Ramli
Pegawai Bahagian Korporat dan Khidmat
Pengguna

Pengarang

Encik Khairulnizam Hassan (BKKP)
Encik Azmi Ali (Unit Integriti)
Puan Norrita Amran (BKKP)
Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)
En. Muhamad Ridzuan Azahari (ILSM)
Puan Munerah Mohamad Zaman (JP Selangor)
Puan Noor Azwa Ansar (BMP)
Puan Hana Sardan (BKKP)
Puan Siti Iesnorhana Ibarahim (BKKP)

Setiausaha

Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)

Reka Bentuk & Cetakan

Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.
Kota Damansara

JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA

BLOK C6, KOMPLEKS C, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62514 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8885 7000

FAKS: 03-8888 9248

E-MAIL: jpbkpp@stats.gov.my

PORTAL: www.statistics.gov.my

BIL. 01 EDISI 2015

PERUTUSAN

Ketua Perangkawan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Statistik.

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Illahi kita dapat meneruskan jihad dan amanah sebagai kakitangan Jabatan kerajaan sehingga detik ini. Mengimbas kembali tahun 2014 banyak peristiwa yang menyayat hati buat negara. Antaranya kehilangan pesawat MH370, nahas pesawat MH17, selain nahas AirAsia Indonesia QZ8501 dan di penghujung tahun, negara ditimpa bencana banjir yang hampir melumpuhkan beberapa negeri di Pantai Timur dan Utara.

Banjir ini juga memberi kesan kepada operasi Jabatan ini di negeri yang terlibat iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan. Namun bersyukur kerosakan ini tidak melibatkan nyawa warga Jabatan, hanya melibatkan kerosakan harta benda. Alhamdulillah berpaksikan sikap tolong menolong, Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia telah melancarkan misi bantuan kepada warga jabatan yang memerlukan selepas banjir yang berlaku di penghujung tahun yang lalu. Daripada musibah ini kita diduga dengan sikap sabar dan saling bantu-membantu dan sikap inilah yang ditunjukkan oleh warga Jabatan Perangkaan Malaysia. Bantuan berupa wang ringgit, barang-barang keperluan serta tenaga tidak lokek untuk dicurahkan demi membantu rakan-rakan yang lain yang sedang dalam kesusahan. Segala rintangan yang dihadapi itu diharapkan dapat mematangkan kita untuk meneruskan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Tahun 2014 juga merupakan tahun akhir pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2010–2014. Hasil pemantauan yang rapi ke atas pelaksanaan aktiviti di bawah PSJ ini, alhamdulillah, pencapaian PSJ 2010-2014 amat membanggakan dan kebanyakannya telah dicapai lebih awal dari yang disasarkan. Mulai awal tahun 2014, perancangan bagi PSJ seterusnya telah mula dirangka iaitu Pelan Transformasi Jabatan 2015 – 2020. Pelan ini mengambil kira faktor perubahan persekitaran antaranya ciri-ciri demografi, kadar literasi yang tinggi, peranan media sosial, *privacy*, keperluan memodenkan sistem pengumpulan data dan memperkukuhkan peranan koordinasi. Pelan ini telah disiapkan sepenuhnya pada Julai 2015 selepas Kerajaan mengumumkan Rancangan Malaysia Ke-11 pada Mei 2015. Adalah menjadi tanggungjawab semua warga Jabatan untuk memastikan perancangan ini kelak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Seterusnya, Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan Pelan Strategik ILSM juga akan dirangka pada tahun 2015.

Akhir sekali saya berharap supaya aktiviti utama yang akan dilaksanakan oleh Jabatan pada tahun baru 2015 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan terus membawa kecemerlangan kepada Jabatan dengan kerjasama erat semua pihak. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan Jabatan ini, antaranya responden yang telah memberikan kerjasama yang baik kepada penyiasatan dan banci yang dilaksanakan, *stakeholders* yang menyokong usaha Jabatan dan warga Jabatan yang telah menyumbang kepada kejayaan Jabatan menghasilkan data yang berintegriti dan *reliable*.

Sebian, terima kasih.



YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hasan



Jinta Pengarang



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, dan Salam 1Statistik.

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadirat Illahi kerana dengan limpah dan izinNya Berita Stats Bil. 1/2015 berjaya diterbitkan sekali lagi untuk tatapan warga Jabatan. Berita Stats merupakan bahan makalah Jabatan yang diterbitkan dua kali setahun. Berita dan aktiviti yang melibatkan jabatan akan dimasukkan dalam makalah ini dan merupakan rujukan penting kepada warga Jabatan serta masyarakat umumnya untuk mengenali dengan lebih dekat Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada awal tahun 2015, Jabatan Perangkaan Malaysia telah memperluaskan jalinan pintarnya dengan menerima lawatan rasmi dari agensi dalam negara antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA), Politeknik Sultan Azlan Shah (PISAS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kolej Mara Beranang, Politeknik Nilai, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan UiTM Kelantan. Jabatan turut menerima kunjungan dari National Institute for Policy and Strategic Studies (NIPSS), Nigeria.

Sekali lagi keterujaan jalinan pintar bersama Institusi Pengajian Tinggi telah dimeterai dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Multimedia Universiti (MMU), Malaysia University of Science and Technology (MUST) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Melalui MoU ini, pihak universiti telah dibekalkan dengan data mikro bagi penyiasatan dan banci terpilih. Pembekalan data mikro ini diharap dapat menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan di IPTA dan pelajar berpeluang menggunakan data sebenar dalam kajian ilmiah yang dilaksanakan.

Seminar Tranformasi Statistik Bersama Komuniti juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan di negeri-negeri dan antara yang

telah melaksanakan seminar ini sehingga Jun 2015 ialah JP Pulau Pinang, JP Selangor, JP Kedah/ Perlis, JP Melaka, JP Negeri Sembilan, JP Perak, JP Terengganu, JP Pahang dan JP Wilayah Persekutuan. Diharapkan untuk setengah tahun seterusnya banyak lagi Seminar Tranformasi Statistik Bersama Komuniti dapat dilaksanakan oleh JP negeri yang lain bagi memastikan objektif utama program ini tercapai secara menyeluruh.

Pada tahun ini kita amat bertuah dimana Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjadi pilihan perjumpaan Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama warga Jabatan. Sehubungan itu, satu Majlis Perjumpaan YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa bersama warga Jabatan Perangkaan Malaysia telah berlangsung dengan jayanya pada 2 April 2015.

Inilah antara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan pada separuh tahun pertama 2015 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan diharapkan untuk separuh tahun seterusnya lebih banyak lakaran dan kenangan manis dapat dicatatkan dalam Berita Stats Jabatan. Akhir kata, ucapan tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi di atas usaha melahirkan penerbitan pada kali ini. Sehingga bertemu lagi dipenerbitan yang akan datang.

Salam hormat.



In. Hj. Ismail bin Yusoff
Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi)

SUCCESS
IS DOING THE
RIGHT THINGS
LONG ENOUGH
UNTIL YOU
FINALLY
ACHIEVE YOUR
GOALS.



PROFIL PENGARAH

BAHAGIAN KORPORAT DAN KHIDMAT PENGGUNA

Nama	: Rafliza binti Ramli	Kelulusan	: Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik
Tarikh Lahir	: 29 September 1976		Sarjana Sains (Peningkatan
Tempat Lahir	: Ampang, Selangor		Kualiti dan Produktiviti)
Pendidikan Rendah	: Sek. Keb. Hulu Kelang, Ampang	Mula berkhidmat / Iantikan	: 1 Disember 1999
	Sek. Ren. Keb. Semenyih		
Pendidikan Menengah	: Sek. Menengah Hulu Kelang, Ampang		

Pengalaman Kerja:

BIL	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	Dis. 1999 - Jul. 2011	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial	Perangkawan N3/E41/E44/E48
2.	Ogos 2011 - Apr. 2015	Kementerian Kewangan Malaysia	Perangkawan E52
3.	Apr. 2015 - Kini	Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna	Perangkawan E54

Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Regional Workshop on The Management of Informal Sector and Informal Employment</i>	Bangkok, Thailand	30 Nov. - 2 Dis. 2009
2.	<i>Regional Workshop on Monitoring and Assessing Progress on Decent Work in Asia</i>	Bangkok, Thailand	28 - 30 Jun 2010
3.	<i>Regional Workshop Towards on ASEAN Statistical Report</i>	Jakarta, Indonesia	20 - 21 Okt. 2010
4.	<i>Regional Workshop on the ASEAN Roadmap for the Attainment of the MDGs</i>	Bangkok, Thailand	24 - 25 Jan. 2011
5.	<i>Joint Meeting of PSC2 and 9th ACSS SCPC back to back with the Workshop on Snapshot Tool of ACSS CoP,</i>	Jakarta, Indonesia	28 - 30 Jul. 2015
6.	<i>i. The 10th Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics (WGDSA); dan ii. Training on "Infographics" Building up capacities of Statisticians (Trainers trained in ToT on PR & Statistics) in ASEANstats, ASEAN National Statistical Offices and POCS.</i>	Jakarta, Indonesia	24 - 27 Ogos 2015

Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Six Thinking Hats Course</i>	Kuala Lumpur	4 - 5 Mei 2011
2.	Kursus Panel <i>Data Analysis</i>	UPM, Serdang	7 - 10 Apr. 2014
3.	<i>International Statistical Institute Regional Statistics Conference 2014</i>	Kuala Lumpur	17 - 19 Nov. 2014
4.	<i>Fifth Session of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee</i>	Cyberview Resort and Spa, Cyberjaya	3 - 5 Nov. 2015
5.	Kursus <i>Leadership : Five Minds for the Future</i>	ILSM, Sungkai Perak	30 Nov. - 2 Dis. 2015



PROFIL PENGARAH

BAHAGIAN PERANGKAAN TENAGA MANUSIA DAN SOSIAL

Nama : Riyanti binti Saari
 Tarikh Lahir : 17 Mac 1979
 Tempat Lahir : Pasir Mas, Kelantan
 Pendidikan Rendah : Sek. Keb. Kelaburan, Tumpat, Kelantan
 Pendidikan Menengah : SMU (A) Maahad Muhammadi (P), Kota Bharu, Kelantan

Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Statistik, UKM
 Ijazah Sarjana Sains (Kepujian) Statistik, USM
 Mula berkhidmat / lantikan : 2 Jun 2003

Pengalaman Kerja:

BIL	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	Jun 2003 - Jul. 2004	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Perangkawan E41
2.	Jul. 2004 - Sept. 2007	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan	Perangkawan E41
3.	Sept. 2007 - Mei 2008	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang	Perangkawan E41
4.	Mei 2008 - Okt. 2011	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial	Perangkawan E44
5.	Okt. 2011 - Okt. 2014	Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia	Perangkawan E48
6.	Okt. 2014 - Kini	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial	Perangkawan E52

Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	Program <i>Attachment</i> di Korea National Statistical Office (KNSO)	Korea	16 - 20 Mac 2009
2.	<i>Capacity Building Workshop on Labour Market Information and Analysis in ASEAN</i>	Brunei	2 - 4 Mac 2010
3.	<i>Attachment Program on Global Health Survey (GSHS) Analysis, World Health Organization (WHO)</i>	Geneva, Switzerland	29 - 31 Okt. 2012
4.	<i>The ASEAN Regional Assessment Workshop on the MDGs Achievement and Post 2015 Development Priorities</i>	Manila, Filipina	14 - 15 Apr. 2015
5.	<i>3rd Tehcnical Meeting of Focal Specialist on International Labour Migration Statistics in ASEAN</i>	Bangkok, Thailand	1 - 2 Jul. 2015

Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Workshop on Application of Intermediate Statistical Methods in Medical Research using STATA</i>	Kuala Lumpur	14 - 16 Mei 2012
2.	<i>Scientific Writing for Publication</i>	Kuala Lumpur	25 - 29 Jun 2012
3.	<i>3rd Medical Statistic and Research Methodology Workshop</i>	Kuala Lumpur	4 - 6 Jun 2013
4.	<i>Workshop on 'Knowledge Discovery & Data Mining in Health System</i>	HUKM, Kuala Lumpur	9 - 10 Jul. 2012
5.	NHMS 2012 : <i>Malaysia School Based Student Health Survey Seminar</i>	Palm Garden, Putrajaya	23 Sept. 2013
6.	10 th Ministry of Health Malaysia (MOH) & AMM <i>Scientific Meeting 2013</i>	Kuala Lumpur	29 - 30 Sept. 2013
7.	7 th <i>National Public Health Conference 2013</i>	Kuala Lumpur	11 - 13 Nov. 2013
8.	<i>Training on Demographic Analysis using Excel</i>	Universiti Malaya, Kuala Lumpur	17 - 18 Feb. 2014



PROFIL PENGARAH

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SEMBILAN

Nama	: Noraliza binti Mohamad Ali	Kelulusan	: Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Utara Malaysia
Tarikh Lahir	: 28 September 1976	Mula berkhidmat / Iantikan	: 15 September 2003
Tempat Lahir	: Bukit Gantang, Taiping, Perak.		
Pendidikan Rendah	: Sek. Rendah Kebangsaan Gopeng, Perak		
Pendidikan Menengah	: Sek. Men. Idris Shah Gopeng, Perak Sek. Men. Teknik Ipoh, Perak		

Pengalaman Kerja:

BIL.	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	Sept. 2003 - Jan. 2004	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka	Perangkawan N41
2.	Feb. 2004 - Sept. 2014	Bahagian Perangkaan Akaun Negara	Perangkawan N41/ E44 / E48
3.	Okt. 2014 - Kini	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan	Perangkawan E52

Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Ninth Meeting of Delhi Group on Informal Sector Statistics</i>	Delhi, India	11 - 12 Mei 2006
2.	Lawatan dan Perbincangan Mengenai Penyusunan <i>Supply & Use Table (SUT)</i> & Penggunaan <i>Software SNA-NT</i>	Oslo, Norway	1 - 7 Dis. 2007
3.	RETA 6483 - <i>Adopting the Supply and Use Framework Towards 1993 System of National Accounts Compliance in Selected DMCs - Third Data Review Workshop</i>	Siem Reap, Kemboja	6 - 9 Apr. 2010
4.	<i>Dissemination Meeting for Heads of National Implementing Agencies, Conference on Development of Supply and Use Table for Asia & The Pacific and National Accounts Training for The International Comparison Programme</i>	Manila, Filipina	11 - 13 Jul. 2011
5.	<i>Technical Discussion Gross Domestic Product for International Comparisons Programme</i>	Bangkok, Thailand	23 - 27 Okt. 2012

Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>International Course on Quality Service Delivery in the Public Sector</i>	INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur	2 - 27 Apr. 2007
2.	<i>The 9th Islamic Countries Conference on Statistical Sciences 2007 (ICCS-IX)</i>	Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor	12 - 14 Dis. 2007
3.	Kursus <i>Change Management</i>	Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya	14 - 16 Jun 2010
4.	Bengkel Kajian Sumbangan Industri Sukan Terhadap KDNK	Hotel Equatorial, Bangi, Selangor	28 - 30 Ogos 2012
5.	Bengkel (<i>Validation Workshop</i>) Kajian Pembangunan Modal Insan Industri Kreatif Negara (Sektor Multimedia)	Hotel Grand Season, Kuala Lumpur	28 Sept. 2012
6.	<i>Workshop on the US Labour Market Statistics</i>	Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur	19 - 20 Nov. 2013
7.	<i>SEACEN-IFC Workshop on Developing and Improving Sectoral Financial Accounts</i>	Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur	15 - 18 Jun 2014
8.	<i>ISI Regional Statistics Conference 2014</i>	Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur	17 - 19 Nov. 2014



PROFIL PENGARAH

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KELANTAN

Nama	: Shafizaermawaty binti Shafei	Kelulusan	: Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik, UKM
Tarikh Lahir	: 10 Julai 1980		
Tempat Lahir	: Alor Setar, Kedah	Mula berkhidmat / lantikan	: 2 Jun 2003
Pendidikan Rendah	: Sek. Keb. Panglima Adnan, Port Dickson Sek. Ren. Keb. Zainab 2, Kota Bharu		
Pendidikan Menengah	: Sek. Men. Zainab, Kota Bharu		

Pengalaman Kerja:

BIL.	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	Jun 2003 - Mei 2008	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Perangkawan N41/ E41
2.	Mei 2008 - Sept. 2014	Bahagian Perangkaan Perdagangan Luar Negeri	Perangkawan / E48
3.	Okt. 2014 - Kini	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan	Perangkawan E52

Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Trade Analysis : Tools and Data Requirements</i>	Jakarta, Indonesia	16 - 19 Jan. 2007
2.	<i>Training of Trainers on International Merchandise Trade Statistics (IMTS)</i>	Jakarta, Indonesia	8 - 12 Nov. 2010
3.	<i>4th IMT-GT Trade, Investment and Tourism Database (TITD) Task Force Meeting</i>	Bukit Tinggi, Indonesia	19 Mac 2012

Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>First Preparatory Meeting of Mirror Analysis on IMTS</i>	Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya	11 Jul. 2012
2.	<i>National Statistics Conference</i>	Sasana Kijang, Kuala Lumpur	7 Nov. 2012
4.	Kursus Penulisan Artikel Jurnal	Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya	28 - 30 Okt. 2013
5.	<i>Emerging Management Development Program (EMDP 1.0)</i>	Hotel Selesa, Johor Bahru	17 - 21 Ogos 2014
6.	Kursus <i>Leading Organisations Creatively</i>	ILSM, Perak	13 - 15 Okt. 2014
7.	<i>ISI Regional Statistics Conference 2014</i>	Sasana Kijang, Kuala Lumpur	17 - 19 Nov. 2014

SIDANG MEDIA OLEH YB. MENTERI BAGI PENYEBARAN INDEKS PERKHIDMATAN SUKU TAHUN PERTAMA 2015 (2010=100)



Seramai 75 orang peserta yang terdiri daripada wakil media, *analyst/researcher*, *stakeholders* dan pegawai Jabatan telah hadir ke sesi ini.

Penganjuran program ini merupakan satu platform terbaik bagi sesi pertemuan dan perbincangan dua hala di antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan pihak swasta khususnya berkaitan dengan maklumat statistik perkhidmatan. Peserta yang terlibat diharap mendapat pemahaman yang jelas berkenaan maklumat statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan dan dapat mencerna maklumat yang diterima ke arah penyebaran data yang tepat dan relevan.



Putrajaya, 12 Mei 2015 - Jabatan Perangkaan Malaysia terus melangkah ke hadapan dengan mengeluarkan satu lagi produk baru kepada umum iaitu Indeks Perkhidmatan suku tahunan. Selaras dengan keluaran statistik baru ini, satu sesi sidang media telah diadakan pada 12 Mei 2015 bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia. Sesi dimulakan dengan taklimat berkaitan *overview* Indeks Perkhidmatan kepada para penganalisis dan pemberita yang disampaikan oleh Puan Nazaria Baharudin, Pengarah Kanan Bahagian Perangkaan Perkhidmatan. Acara kemuncak sesi ini adalah pengumuman prestasi sektor Perkhidmatan bagi suku tahun pertama 2015 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar.

Perindustrian, Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar. Indeks ini membantu penganalisis dan penyelidik meramal pertumbuhan ekonomi negara.

Sesi yang diadakan ini merupakan serampang dua mata, yang mana selain bertujuan untuk menyebarkan Indeks Perkhidmatan, ia juga merupakan satu sesi *engagement* bersama *analyst/researcher*. Objektif program ini adalah untuk:

- i. memberi penerangan berkaitan konsep, interpretasi dan metadata bagi Indeks Perkhidmatan (2010=100);
- ii. membincangkan isu-isu dan mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pengguna swasta; dan
- iii. mewujudkan hubungan yang baik (*networking*) dengan pihak swasta yang terlibat dalam penggunaan dan penyebaran data sektor Perkhidmatan.



MAJLIS PERJUMPAAN YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA, KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN) BERSAMA WARGA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Putrajaya, 2 April 2015 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengadakan satu perjumpaan khas warga Jabatan bersama YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Perjumpaan yang julung-julung kali diadakan bertujuan untuk memberi peluang agar warga Jabatan dapat berinteraksi secara langsung dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan sekaligus dapat melontarkan soalan berkenaan perkhidmatan awam. Disamping itu, KSN juga berpeluang untuk menyampaikan

amanat kepada penjawat awam khususnya warga Jabatan Perangkaan mengenai isu-isu terkini yang melibatkan sektor awam.

Pada majlis ini juga, YBhg. Tan Sri KSN berkesempatan untuk merasmikan Portal terbaru Jabatan Perangkaan Malaysia. Portal ini yang dilengkapi dengan ciri-ciri terkini diharap dapat memacu kejayaan yang lebih cemerlang bagi Jabatan dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan Jabatan kepada orang ramai.



MAJLIS PERASMIAN REGIONAL COURSE ON STATISTICAL BUSINESS REGISTERS



Sungkai, 26 Januari 2015 – Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama *United Nations Statistical Institute for Asia and the Pacific (UNSIAP)* dan *Regional Institute of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP)* telah menganjurkan *First Regional Course on Statistical Business Registers* di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Sungkai, Perak dari 26 hingga 30 Januari 2015.

Kursus ini memberi peluang kepada Jabatan Perangkaan Malaysia untuk meningkatkan lagi kualiti SBR dan akan

menjadi rujukan oleh negara-negara rantau ASEAN dalam mengekalkan kualiti SBR.

Tiga wakil dari Jabatan juga telah membuat pembentangan ketika sesi tersebut diadakan. Wakil tersebut membentangkan berkenaan isu-isu seperti:

- *What is an SBR? Demonstration of the Malaysian SBR - focusing on its main features. A live presentation of the SBR would be preferred but if this is not possible, the relevant main screenshots would suffice*

- *Understanding the role of SBRs: Presentation of the main organizational and operational challenges and issues in establishing the Malaysian SBR*
- *Issues in assuring quality of SBRs: Demonstration on how errors are handled in the Malaysian SBR*

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah ILSM, En. Wan Mohd Shahrulnizam b. Wan Mohd Najuri.



PROGRAM ATTACHMENT MALAYSIA STATISTICAL BUSINESS REGISTER


Putrajaya, 4 Februari 2015 - Jabatan telah melaksanakan program *attachment* yang melibatkan negara Cambodia, Lao PDR, Bhutan dan Sri Lanka. Program ini adalah kesinambungan daripada kursus *Regional Course on Statistical Business Registers: Making a Business Case for an Operational Statistical Business Register* anjuran UNSIAP dengan kerjasama Jabatan yang telah diadakan pada 26-30 Januari 2015 di ILSM, Sungkai, Perak.

Kursus dan program *attachment* ini merupakan satu platform untuk berkongsi amalan terbaik dan pengalaman dalam menangani cabaran serta isu dalam

pembangunan, penyelenggaraan dan penggunaan SBR.

Program *attachment* ini dilaksanakan di Jabatan Perangkaan Malaysia pada 4-10 Februari 2015 melibatkan 8 orang pegawai dari negara-negara terlibat. Program ini turut melibatkan 4 buah JP Negeri iaitu WP K. Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor pada 6 dan 9 Februari 2015.

Attachment program di JP Negeri melibatkan *hands on* sistem NEWSS berkenaan proses kerja di peringkat JP Negeri.



LAWATAN

Putrajaya, Januari-Jun 2015 – Jabatan telah menerima beberapa lawatan dari agensi dalam negara mahupun luar negara. Lawatan seperti ini merupakan medium bagi memperkenalkan peranan Jabatan dan ia juga merupakan salah satu platform bagi mendidik literasi statistik dalam kalangan umum selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020.

Program lawatan ini memberi peluang kepada agensi untuk mendapatkan maklumat berkenaan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan. Antara agenda lawatan adalah taklimat berkenaan maklumat korporat Jabatan, maklumat kerjaya serta isu-isu berkaitan statistik seperti yang dimohon oleh agensi. Penceramah daripada Bahagian Butiran Perkara turut dijemput bagi memberi penerangan berkaitan statistik yang ingin dipelajari oleh agensi tersebut.



DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	BIL. PEGAWAI/PESERTA
1.	Majlis Amanah Rakyat	29 Jan. 2015	10
2.	Politeknik Sultan Azlan Shah	9 Feb. 2015	40
3.	Kolej MARA Beranang	24 Feb. 2015	78
4.	Politeknik Nilai	26 Feb. 2015	84
5.	Universiti Kebangsaan Malaysia	13 Mei 2015	30
6.	Universiti Malaysia Terengganu	6 Apr. 2015	42
7.	Universiti Teknologi MARA, Kelantan	5 Jun 2015	80

LUAR NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	BIL. PEGAWAI/PESERTA
1.	NIPSS, Nigeria	11 Jun 2015	13



KUNJUNGAN HORMAT

Putrajaya, 3 Mac 2015 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima Kunjungan Hormat daripada Exco Institut Statistik Malaysia (ISM). Kunjungan hormat ini yang telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia bertujuan untuk merapatkan lagi kerjasama yang sedia terjalin antara kedua-dua agensi.

ISM diwakili oleh Prof. Dr. Kamarulzaman Ibrahim, Prof. Dr. Habshah Midi, serta ahli Exco yang lain. Semoga usaha dan kerjasama antara agensi ini akan dapat diperluaskan dan memberi manfaat serta impak yang besar kepada pembangunan masing-masing.



SESI *ENGAGEMENT* BERSAMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

Cyberjaya, Mei 2015 - Sesi *Engagement* ini diketuai oleh YBrs. Dr. Timbalan Ketua Perangkawan (Sosial/ Demografi) dan diiringi wakil dari Bahagian Metodologi Penyelidikan serta Bahagian Perangkaan Pertanian Alam Sekitar yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah dan pegawai lain. Mesyuarat diadakan di Ibu Pejabat LHDN, Menara Hasil. Cyberjaya. Pihak LHDN diwakili oleh Pengarah Bahagian Perangkaan dan Integriti Data, beserta 2 orang pegawai LHDN.

Tujuan mesyuarat adalah untuk membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan maklumat pembayar cukai yang akan diberi oleh pihak LHDN dengan kelulusan MOF. Pihak LHDN bersetuju untuk memberi maklumat tersebut kepada Jabatan.



MEMORANDUM

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DENGAN MALAYSIA UNIVERSITY OF SCIENCE AND TECHNOLOGY (MUST)



Kelana Jaya, 30 April 2015 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah memperluaskan lagi hubungan jalinan pintar dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dengan termeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama *Malaysia University of Science and Technology* (MUST) yang diadakan pada 30 April 2015, bertempat di *Founder's Hall*, MUST di Kelana Jaya.

Majlis ini telah disempurnakan dengan jayanya oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkaan Malaysia bagi pihak Jabatan Perangkaan Malaysia manakala YBhg. Prof. Dr. Leong Choon Heng, Presiden MUST bagi pihak MUST serta disaksikan oleh YBrs. Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Timbalan Ketua Perangkaan (Sosial / Demografi) dan YBhg. Profesor Dr. Sellapan Paniappan, Provost MUST.

MUST merupakan IPTS pertama yang menandatangani MoU bersama Jabatan ini. Dengan termeterainya MoU selama 5 tahun ini, penggunaan dan analisis data demografi dan sosial ekonomi bagi tujuan

kajian ilmiah dan penyelidikan warga MUST terutama pensyarah dan pelajar akan dapat ditingkatkan. Kerjasama ini amat penting untuk meningkatkan pengetahuan statistik dalam membuat keputusan berasaskan bukti. Dengan ini, kajian yang dilaksanakan akan menghasilkan ilmu atau dapatan baru yang dapat menyumbang kepada program transformasi negara



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DENGAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Tanjung Malim, 28 Mei 2015 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengorak langkah dengan memperluaskan lagi hubungan strategik dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI. MoU ini merupakan yang kelapan ditandatangani oleh Jabatan bersama Institusi Pengajian Tinggi.

Dengan termeterainya MoU selama 5 tahun ini, penggunaan dan analisis data dalam bidang ekonomi dan sosial demografi bagi tujuan kajian ilmiah dan penyelidikan warga UPSI terutama pensyarah dan pelajar akan dapat ditingkatkan. Kerjasama ini amat penting untuk meningkatkan pengetahuan statistik dalam membuat keputusan berasaskan bukti. Dengan ini, kajian yang dilaksanakan



akan menghasilkan ilmu atau dapatan baru yang dapat menyumbang kepada program transformasi negara. Melalui MoU ini Jabatan secara langsung dapat memperluaskan lagi celik statistik terutama kepada para pelajar di peringkat pengajian tinggi.

Pada majlis tersebut, dokumen MoU telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Dr. Haji

Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkaan Malaysia mewakili Jabatan sementara YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Naib Canselori mewakili UPSI. Saksi bagi pihak Jabatan adalah Tuan Haji Ismail bin Yusoff, Timbalan Ketua Perangkaan, Program Ekonomi manakala UPSI disaksikan oleh Encik Mohd Faizi bin Othman, Pendaftar UPSI.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DENGAN UNIVERSITI MULTIMEDIA

Cyberjaya, 15 Mei 2015 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bersama Universiti Multimedia (MMU) dalam bidang penganalisan dan penyelidikan ilmu statistik. MoU ini telah ditandatangani pada 15 Mei 2015 di *CCU Presentation Room, Chancellery Building, MMU, Cyberjaya* dan merupakan MoU kedua yang ditandatangani bersama Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Dengan terjalannya hubungan strategik ini, ia membolehkan Jabatan bersama MMU berkongsi hasil analisis, penyelidikan serta penemuan baru melalui pembentangan di seminar, bengkel, persidangan dan penerbitan ilmiah sama ada jurnal, tesis di peringkat sarjana Muda dan Pasca Siswazah. Semoga dengan hubungan kerjasama ini dapat menghasilkan lebih banyak penyelidikan menarik, ini kerana MMU adalah merupakan Universiti Penyelidikan yang sememangnya mempunyai kepakaran tinggi dan diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam

bidang berkenaan. Perkongsian pintar ini juga turut menghasilkan sinergi untuk menggiatkan lagi aktiviti penganalisan di peringkat yang lebih kompleks dan komprehensif dalam bidang statistik.

Perjanjian ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Abd Rahman Hasan,

Ketua Perangkawan Malaysia dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Rasat Muhamad, Presiden MMU serta disaksikan oleh YBrs. Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Timbalan Ketua Perangkawan (Sosial/ Demografi) dan Profesor Dr. Murali Raman, Dekan Fakulti Pengurusan, MMU.



SEMINAR TRANSFORMASI STATISTIK BERSAMA KOMUNITI

BIL.	JABATAN PERANGKAAAN	TARIKH	TAJUK SEMINAR TRANSFORMASI STATISTIK BERSAMA KOMUNITI
1.	JP Pulau Pinang	24 Mac 2015	Seminar Statistik Nadi Transformasi Negara
2.	JP Selangor	9 April 2015	Indeks Harga Pengguna Pengukur Kos Sara Hidup
3.	JP Kedah/Perlis	28 April 2015	Kepentingan Statistik Harga Kepada Pengguna
4.	JP Melaka	13 Mei 2015	Statistik dan Anda
5.	JP Negeri Sembilan	14 Mei 2015	Kepentingan Indeks Harga Sebagai Mekanisme Pengurusan Prestasi Ekonomi Negara
6.	JP Perak	20 Mei 2015	Seminar Kepentingan Statistik Perkhidmatan Dalam Agenda Transformasi Negara
7.	JP Pahang	2 Jun 2015	Pemantapan <i>Register</i> Pertubuhan yang Komprehensif dalam Penghasilan Statistik Terkini
8.	JP Wilayah Persekutuan	3 Jun 2015	Statistik Harga: Kepentingan dan Impak kepada Pengguna
9.	JP Terengganu	17 Jun 2015	Sumbangan Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan Memacu Transformasi Ekonomi Terengganu



JP PULAU PINANG



JP NEGERI SELANGOR



JP PAHANG



JP PERAK



JP KEDAH / PERLIS



JP TERENGGANU



JP WILAYAH PERSEKUTUAN



JP NEGERI SEMBILAN



JP MELAKA

PAMERAN DI FESTIVAL BELIA PUTRAJAYA 2015



sebagai medium untuk memberi penerangan secara jelas, padat dan inovatif untuk memaklumkan peranan dan fungsi Jabatan, mempromosikan produk dan perkhidmatan Jabatan serta mewujudkan kesedaran dan kefahaman di kalangan masyarakat tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam konteks pengumpulan dan penyebaran data-data penting negara.



Putrajaya, 22-24 Mei 2015 - Kementerian Belia dan Sukan telah menganjurkan Festival Belia Putrajaya 2015 (FBP 2015) dengan tema 'Dari Belia untuk Belia' berkonsepkan kepada penyertaan daripada peringkat akar umbi, pemantapan sahsiah dan juga pengantarabangsaan FBP 2015. Pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (YRES), agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan telah menjemput Jabatan Perangkaan Malaysia untuk menyertai pameran yang menghimpunkan organisasi yang terlibat dalam bidang penyelidikan

pembangunan belia di Malaysia. Penyertaan Jabatan di Festival Belia ini merupakan penyertaan tahun kedua.

Selaras dengan rangka kerja memasyarakatkan penggunaan statistik kepada rakyat terutamanya golongan belia, pameran seperti ini dilihat mampu untuk menarik minat golongan tersebut agar lebih memahami kepentingan statistik kepada negara dan seterusnya menjadikan komuniti celik statistik (*statistics literate*) di masa hadapan.

Booth pameran ini dapat dijadikan



MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGIKTIRAFAN AMALAN EKSA OLEH MAMPU KEPADA JP NEGERI SABAH

Kota Kinabalu, 14 April 2015 - JP Negeri Sabah telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan Amalan EKSA oleh MAMPU Kategori BAIK setelah pengauditan dijalankan pada 31 Mac 2015. Satu Majlis penyampaian Sijil oleh Ketua Pengarah MAMPU YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman kepada Pengarah JP Sabah, Puan Norhayati binti Jantan telah

diadakan pada 14 April 2015 di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah Kota Kinabalu.





AKTIVITI SOSIAL DAN KEBAJIKAN

STATS RELIEF

Putrajaya, 6 Januari 2015 - Bantuan Banjir Pantai Timur Stats Relief Jabatan yang diadakan pada awal Januari 2015 adalah inisiatif Jabatan dengan kolaborasi KSS, PERKISA dan PUSPANITA dan difokuskan kepada mangsa banjir besar yang melanda di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Semangat keprihatinan warga Jabatan seluruh negara telah mewujudkan Tabung Bantuan Banjir Pantai Timur Stats Relief dan agihan bantuan tersebut telah disalurkan kepada semua mangsa banjir yang terlibat di Pantai Timur melalui lawatan YBhg. Ketua Perangkawan dan Pasukan Stats Relief di negeri Kelantan, manakala bagi mangsa banjir di negeri Pahang dan Sarawak disampaikan melalui Pengarah JP Negeri masing-masing.



PROGRAM HATI KE HATI - RUMAH JAGAAN DAN RAWATAN ORANG TUA AL-IKHLAS, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN


"Barang siapa ingin doanya terkabul dan dibebaskan dari kesulitannya hendaklah dia mengatasi (menyelesaikan) kesulitan orang lain"
(Hadis Riwayat: Imam Ahmad)

Puchong, 30 Mei 2015 - Persatuan Kebajikan Islam Statistik (PERKISA) dengan kerjasama Persatuan Penolong Pegawai Perangkaan (PPPPJPM) telah mengadakan lawatan ke Rumah Jagaan & Rawatan Orang Tua Al Ikhlas, Kg Pulau Meranti, Puchong, Selangor. Rumah ini dihuni oleh 50 penghuni (27 wanita & 23 lelaki) dan 13 orang petugas khusus untuk menempatkan warga emas yang tinggal sebatang kara atau tiada tempat tinggal.

Rumah Al Ikhlas ini diusahakan oleh bekas jururawat, Puan Hj. Muji binti Hj Sulaiman itu yang dahulunya merupakan sebuah masjid lama yang sudah tidak digunakan lagi.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk menerapkan rasa simpati, kasih sayang, prihatin, mengumpulkan

sumbangan dan memberi khidmat sokongan moral kepada warga emas yang meniti penghujung hidup mereka tanpa keluarga yang disayangi. Selain itu juga, program ini dapat menanamkan rasa syukur kepada Allah atas segala nikmat yang telah dikurniakan melalui pemerhatian terhadap golongan kurang bernasib baik ini.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT JABATAN

Putrajaya, 14 Januari 2015 - Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Jabatan 1436H/2015 telah diadakan dengan jayanya pada 14 Januari 2015 bersamaan 23 Rabiul Awal 1436H (Rabu) bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Majlis anjuran Jabatan dengan kerjasama PERKISA ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia.

Antara pengisian program ini adalah ucapan perasmian oleh Ketua Perangkawan Malaysia dan persembahan alunan selawat.

Seterusnya majlis ini disusuli dengan ceramah yang telah disampaikan oleh Ustaz Nor Hisyam bin Tuan Padang serta sesi soal jawab.

Majlis yang diadakan ini bukan sahaja sekadar memenuhi tradisi acara tahunan Jabatan, tetapi dapat menjadi pemangkin untuk merealisasikan objektif dan misi majlis, iaitu mengeratkan hubungan sesama warga Jabatan dan juga dapat mengimarahkan lagi sambutan Maulidur Rasul untuk manfaat bersama disamping mengingati kembali sirah perjuangan Rasulullah S.A.W.



KURSUS SMART SOLAT ANJURAN PERKISA, JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA & MASJID PUTRA, PUTRAJAYA

Putrajaya, 16 Mei 2015 - Persatuan Kebajikan Islam Statistik (PERKISA), Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama Masjid Putra, Putrajaya telah mengadakan Kem Smart Solat bagi Siri Kedua setelah Siri Pertama bersama Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin (Masjid Besi) tahun sebelumnya pada 16-17 Mei 2015 bertempat di Bilik Kuliah 1, Masjid Putra, Putrajaya. Majlis yang dihadiri seramai 31 orang ini sesuatu yang memberangsangkan walaupun ia dilaksanakan hujung minggu.


Antara pengisiannya adalah cara bacaan betul Al Fatihah, rukun solat, jenis-jenis solat ketika keuzuran, takrif solat berjemaah dan turut disertakan ceramah Isra' & Mikraj. Penceramah-penceramah jemputan adalah dari JAKIM.



JOM BOLING 2015

Putrajaya, 8 Mac 2015 - Kelab Sukan Statistik bersama Gabungan PUSPANITA CKJPM telah menganjurkan program Jom Boling 2015 pada 8 Mac 2015 di ARL PowerBowl, Alamanda Putrajaya. Program ini telah disertai oleh 80 orang peserta dengan lapan daripadanya adalah peserta VVIP. Jom Boling 2015 telah diserikan dengan perasmian oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan,

Ketua Perangkawan Malaysia merangkap YDP Kelab Sukan Statistik dan YBhg. Datin Wan Azizon Ahmad sebagai Pengerusi Puspanita CKJPM. Program ini diadakan bertujuan untuk merapatkan silaturahmi sesama ahli dengan pengurusan atasan, mencungkil pemain pelapis dan mengasah bakat di samping menjadikan program riadah ini sebagai salah satu dari aktiviti tahunan persatuan/kelab.



KEJOHANAN FUTSAL ANTARA ARAS 2015, JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Bangi, 18 April 2015 - Kejohanan Futsal Antara Aras 2015, Jabatan Perangkaan Malaysia anjuran bersama Bahagian Perangkaan Akaun Negara (BPAN), Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (BPP), Bahagian

Perangkaan Imbangan Pembayaran (BIPI), Bahagian Penunjuk Ekonomi (BPE) Wisma Minlon & Kelab Sukan Statistik (KSS) telah dilaksanakan dengan jayanya pada 18 April 2015 di Uptown Sports Bangi, Selangor

Darul Ehsan. Semua aras di Ibu Pejabat dan Bahagian di Minlon telah menghantar pasukan lelaki dan empat aras telah menghantar pasukan wanita. Pada kejohanan kali ini, pasukan Minlon (gabungan BPP dan BIPI) telah menjuarai bagi kategori lelaki manakala aras tujuh telah memenangi kategori pasukan wanita. Sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Mohd Uzir b. Mahidin, Timbalan Ketua Perangkawan, Program Sosial/Demografi.

